

Obsidion

written by Saarani Vengadesen | 11/04/2023

BAB 1

Pagi menjelang sesudah terbitnya matahari dari arah timur. Para nelayan turun ke laut untuk mencari rezeki bagi menampung kehidupan mereka yang sudah berkeluarga. Kebiasaannya mereka akan menjual hasil tangkapan mereka sama ada di pasar pagi atau pasar raya. Jam di dinding sudah menunjukkan pukul 10 pagi. Kebiasaannya nelayan-nelayan tersebut sudah pulang ke rumah tetapi sesuatu perkara yang aneh pula yang berlaku kepada mereka.

"Manalah ayah kamu ni pergi, mak ni risau tau," rungut Lili kepada anaknya, Riel yang menantikan kepulangan suaminya di luar rumah. "Mak, saya nak pergi cari ayah ni dekat pantai tu. Mak jangan risau tau. Saya pun dah ambil sarapan tadi." Riel telah bersiap-siap untuk keluar mencari ayahnya dan meminta izin ibunya terlebih dahulu sebelum pergi. "Hati-hati bawa basikal tu Riel, cepat balik ke rumah semula nanti" pesan emaknya kepada Riel. Lili yang berumur 45 tahun bekerja sebagai ahli botani di sebuah Institutut Rosa dan begitu cekap dengan spesies tumbuh-tumbuhan.

Beliau juga pernah menyumbangkan jasa kepada negaranya sendiri, Sanlow dalam penemuan spesies tumbuhan yang terbaharu iaitu Cyanea Heluensis.

Setibanya Riel di Pantai Nerina, dia berasa hairan mengapa penduduk kampung berkumpul beramai-ramai di pantai tersebut. Dia terus berlari ke arah ayahnya selepas berjaya melepasi sekatan yang dilakukan oleh pihak polis. "Ayah apa yang berlaku ni, kenapa polis pun ada sekali?"

Perasaan takut dan ingin tahu bercampur baur dan membuatkan Riel kelihatan begitu resah dengan insiden yang berlaku. "Riel, kawasan ni dah tak selamat selepas ni, ayah dan kawan-kawan ayah tadi terjumpa dua orang lelaki yang pengsan di dalam bot dan bot tersebut terdampar dekat tengah-tengah lautan. Apa yang membuatkan kami terkejut adalah bila kami cuba nak menyelamatkan dua orang lelaki tu, kami nampak titisan darah berwarna biru keluar dari bahagian luka dekat kaki mereka." Zaidan cuba menerangkan peristiwa yang paling misteri pernah berlaku dalam kehidupannya kepada Riel.

Insiden misteri tersebut telah mendapat liputan penuh di dalam berita tempatan dan menjadi fokus utama di muka hadapan akhbar Sanlow Times. Rata-rata penduduk negara tersebut memberikan reaksi yang kurang senang dan mengambil langkah-langkah berjaga. Ada juga sebahagian daripada mereka tidak mempercayainya dan menyamakan kejadian tersebut dengan cerita mitos.

"Abang biar betul, mereka tu manusia ke makhluk asing?" Lili masih terpinga-pinga dan memerlukan penerangan lanjut daripada suaminya. "Mereka tu manusialah awak, apa pun sekarang ni biar pihak polis & ahli forensik siasat dulu kejadian ni. Hari ni abang nak kena pergi ke balai polis untuk bekerjasama dengan pihak polis." Kelihatan Zaidan bergegas keluar dari rumahnya dengan mengenakan baju T-shirt berkolar berwarna coklat muda dan seluar slack panjang.

Dua orang pemuda yang ditemui terdampar di tengah-tengah lautan dirawat di Hospital Sujana. Doktor Zayyan ditugaskan untuk merawat mereka berdua sehingga mereka kembali

stabil. "Melalui hasil ujian pengesanan yang telah saya lakukan pada pagi tadi telah didapati bahawa mereka berdua telah dijangkiti penyakit fungus iaitu Blastomikosis.

"Jururawat yang turut merawat dua orang pemuda tersebut amat terkejut mendengar penjelasan Doktor Zayyan kerana penyakit itu jarang untuk menjangkiti populasi manusia." Saya masih mencari lagi simptom-simptom lain bagi mengawal risiko penyakit tersebut dan saya berharap penyakit ini tidak menular kepada komuniti tempatan.

Malique yang merupakan salah seorang ahli forensik di Makmal Sanctum berusaha merungkai misteri insiden terbabit. Dia mencari tanda atau kesan yang terdapat di bahagian badan dua orang mangsa itu untuk mencari bukti yang dapat membantu penyiasatan yang dijalankan.

BAB 2

Bunyi loceng di blok A menandakan tamatnya sesi pembelajaran di Sekolah Sujana Prima. Kesemua pelajar mula pulang dan ada yang masih melepak di perkarangan sekolah. Malang tidak berbau, sebuah drone yang terbang dari arah utara datang secara tiba-tiba lalu mengeluarkan pancaran laser yang berbahaya. Suasana di situ menjadi tidak terkawal lagi.

"Riel... Eirin... cepat tolong aku selamatkan mereka." Benjamin, Riel dan Eirin membawa pelajar-pelajar yang ada ke dalam bangunan sekolah. Encik Mat yang ternampak kejadian itu terus menelefon pihak polis demi keselamatan para pelajar dan guru.

"Darah!" Eirin terus menjerit setelah mendapati lima pelajar lelaki ditikam di bahagian abdomen dan menyebabkan pendarahan berlaku dengan banyak.

"Sila beri laluan dan kamu semua perlu pulang dengan segera ke rumah masing-masing. Sekolah ini akan ditutup dalam tempoh tertentu dan akan dibuka semula jika betul-betul selamat untuk kamu semua." Pegawai polis yang berbadan sasa itu mengambil tindakan yang efektif sebaik menerima laporan daripada pengetua sekolah terbabit. Drone yang berterbangan di ruangan udara berjaya ditembak selepas lima butir peluru pistol mengenai tepat ke arah drone itu. "Riel, Eirin dan Benjamin tunggu kejap, ada sesuatu yang perlu kita bincang". Encik Mat mengarahkan mereka bertiga untuk masuk ke pejabatnya untuk memberi kerjasama dengan pihak polis melakukan penyiasatan.

Di dalam pejabat Encik Mat, kelihatan mereka bertiga bersungguh-sungguh menceritakan perkara yang sudah berlaku di sekolah itu. Pegawai polis dan Encik Mat tekun mendengar penjelasan yang diberikan oleh mereka. "Apa yang pelik saya berdiri tak jauh pun dari lima orang budak lelaki tu, tiba-tiba saya perasan ada darah mengalir sampai ke kaki saya.

Saya berlari ke arah mereka dan saya cuba periksa jika pembunuh tersebut masih ada, tapi saya tak berjaya nampak kelibat pembunuh tersebut." Riak wajah Eirin kelihatan cemas dan masih trauma dengan insiden yang berlaku. Sudahlah kejadian lepas masih belum selesai, kini muncul pula kejadian yang baru.

"Baiklah, pihak kami akan cuba sedaya upaya menyasat apa yang sebenarnya terjadi di bandar kita ni. Perkara macam ni tidak boleh dibiarkan. Saya risau kalau lepas ni ramai pula yang menjadi mangsa." Secara jujurnyalah kali pertama Asrul berhadapan dengan jenayah misteri ini. Selama 16 tahun bertugas sebagai inspektor, dia hanya banyak menguruskan kes-kes jenayah yang selalu berlaku seperti kes rompakan, kecurian atau pembunuhan dan bukanlah kes yang bersifat supernatural seperti baru-baru ini.

“Terima kasih tuan kerana menolong kami semua.Saya harap semua ni bolehlah berakhir dengan segera.”Encik Mat melemparkan senyuman kepada Inspektor Asrul sambil bersalaman sebelum mereka berdua beredar dari kawasan sekolah itu.Sekolah Saujana Prima telah dikategorikan sebagai kawasan hitam bersama-sama dengan kawasan di Pantai Nerina sebagai langkah keselamatan untuk penduduk.

Hujan turun dengan begitu lebat. Bunyi dentuman kilat yang sabung menyabung tidak memberi kesan kepada Riel yang sedang tidur dengan lenanya.Dia mula bermimpi tentang kejadian misteri yang menghantui penduduk di Kampung Oregon dan bandar Sujana.Mimpinya memberi jawapan dan penyelesaian kepada misteri tersebut.Ya,dialah kunci untuk menamatkan siri jenayah ini sebelum terlambat.Dia pun terjaga sebaik sahaja mendengar laungan azan subuh.

“Aku tak sangka mereka sekejam tu.Sanggup mereka korbankan orang yang tidak bersalah demi kepentingan mereka sendiri. “Aku tidak akan biarkan mereka terlepas!” Riel betul-betul marah dengan apa yang mereka lakukan. Mereka merupakan pertubuhan yang berselindung di bawah kerajaan, tinggal di sebuah tempat yang belum dijejaki oleh mana-mana manusia.

BAB 3

“Aku nak kau rancang betul-betul macam mana nak dapatkan lebih banyak darah mereka.Tanpa darah mereka,keturunan kita akan terus menghidap penyakit fungus.”Senyuman sinis terukir di bibir Malia kerana dia tahu keluarganya mampu menguasai seluruh negara Sanlow.

“Lepas tu kita dapat hidup selama-lamanya di bumi ni”David yang merupakan adik Malia turut tidak sabar untuk melaksanakan rancangan jahat mereka itu.Keluarga mereka yang dinamakan sebagai Keluarga Skyla bukanlah manusia yang asli dan mereka juga bukanlah berasal dari bumi.Misi mereka adalah untuk mengubah genetik supaya dapat menjadi seperti manusia yang normal.

“Benjamin,Eirin kau orang kena datang ke rumah aku juga sekarang ni.Ada benda penting ni.”Riel menggunakan gelas simulasi maya untuk berhubung dengan rakannya.Setelah 15 minit berlalu, akhirnya mereka berdua sampai dengan menaiki basikal elektrik.”Okay macam ni,semalam aku ada mimpi pasal semua kejadian yang berlaku baru-baru ni.

Dalam mimpi tu,aku dapat tahu cara-cara untuk tamatkan siri jenayah ni.”Riel berharap dua rakannya itu percaya dengan apa yang diperkatakan.Dia berhasrat untuk ke hospital bagi mengesan mimpinya. “Wow,menarik! Jadi apa rancangan kau?” Benjamin berasa teruja setelah mendengar cerita yang disampaikan oleh Riel. Begitu juga dengan Eirin. “Jom kita kena pergi hospital sekarang ni.Aku nak suruh Doktor Zayyan rekod mimpi aku ni.”

Mereka bertiga terus bergegas menuju ke Hospital Sujana.Setibanya mereka di hospital tersebut mereka mendapati bahawa Doktor Zayyan sedang berbincang secara serius dengan Malique dan Inspektor Asrul.”Err,maafkan kami,kami juga ada perkara penting nak bagitahu ni”jelas Eirin dengan wajah yang bersahaja.Setelah Riel menceritakan tentang mimpinya, Doktor Zayyan bersetuju untuk menggunakan peranti pengesanan mimpi bagi merungkai misteri tersebut.

Mimpi Riel sudah berjaya direkodkan.Doktor Zayyan memainkan mimpi yang telah direkod melalui rakaman video.Mereka semua meneliti setiap kejadian yang berlaku di dalam mimpi itu.”Riel,mimpi kamu ni betul-betul memberi kita semua peluang dan jawapan.Sekarang ni kita

dah tahu dengan siapa kita perlu tewaskan sebelum mereka hancurkan kita semua.

“Riak wajah Malique begitu risau dan dia juga masih tidak percaya dengan semua ini.” Malique, saya dah periksa drone yang menyerang sekolah hari tu. Drone ni dinamakan sebagai Eris 56. Kamu semua tengok ni, ada simbol berbentuk lingkaran dan bintang di bahagian belakang drone. “Inspektor Asrul baru sahaja ternampak simbol itu dan simbol itu juga merupakan salah satu pembayang untuk mereka terus menuju ke kawasan yang didiami Keluarga Skyla.

Malique terus mencari maklumat mengenai simbol tersebut. Setelah membaca artikel mengenai simbol tersebut, dia mengetahui bahawa penjenayah itu bukanlah manusia dan mereka mempunyai niat yang jahat untuk menakluki Sanlow. Dua orang pemuda yang diselamatkan di Pantai Nerina telah kembali stabil. “Terima kasih kerana merawat kami” senyum Danish kepada Doktor Zayyan.

Seorang lagi rakannya yang bernama Noah cuba untuk menceritakan kembali apa yang terjadi kepada mereka berdua dan rahsia keluarga Skyla. “Masa tu saya dan Danish sedang menaiki bot untuk menuju ke Pulau Biru, tiba-tiba drone tu...” Noah merenung tepat ke arah drone yang berada di atas meja itu. “Maksud kau drone ni?” soal Malique. “Ya drone tu, bukan tu je selain dari boleh pancarkan laser, drone tu juga boleh bebaskan gas hidrogen fluorida. Disebabkan kami tidak sempat mengelak, kami dibawa ke Istana Bitara. Bila kami sedar sahaja, kami sudah dikurung di ruang bawah tanah.” terang Noah Danish pula memberitahu mereka tentang rahsia Keluarga Skyle.”

Masa kami jadi tawanan di sana, saya ada curi-curi dengar yang keluarga diaorang ini melakukan pemindahan darah daripada tubuh mangsa. Saya rasa itu antara salah satu cara supaya mereka dapat hidup di bumi ni.” Eirin masih keliru dan masih memerlukan penjelasan yang lebih lanjut. “Maksud kau Danish?”

“Apa yang saya maksudkan adalah darah mereka berwarna biru manakala darah kita semua berwarna merah. Darah biru tu menyebabkan mereka tidak mampu hidup lama dan kesannya mereka mudah dijangkiti penyakit Blastomikosis. Begitu juga dengan kami, mereka telah mengubah ciri-ciri fizikal kami berdua.”

Danish berasa sedih dengan apa yang berlaku terhadap dirinya dan Noah. “Patutlah ada kesan suntikan pada lengan kamu berdua, waktu kami jumpa kamu, kami amat terkejut sekali apabila berlaku pendarahan yang berwarna biru di bahagian kepala seperti yang kamu beritahu tadi.” Inspektor Asrul mula menunjukkan reaksi senang hati apabila misteri ini hampir selesai. “Macam mana pula dengan kejadian yang berlaku di sekolah kami? Mula-mula drone tu serang kami dan 20 minit selepas itu, 5 orang pelajar ditemui mati. Darah kesemua pelajar tu terus hilang bila penyiasatan polis dijalankan.” soal Benjamin yang menginginkan kepastian. “Teknologi yang mereka gunakan sangat canggih, mereka menggunakan teknologi halimunan.

Seperti yang kita tahu teknologi halimunan mempunyai kelemahannya yang tersendiri tetapi tidak bagi teknologi mereka. Mereka datang dari planet Celestia di mana planet tersebut mempunyai kadar radiasi yang sederhana dan masih boleh menyebabkan berlakunya perubahan mutasi kepada DNA makhluk yang tinggal di planet itu.” jelas Noah kepada Benjamin.

Mereka semua sukar untuk mempercayainya dan mula berputus asa untuk tamatkan jenayah tersebut. “Jadi, Keluarga Skyla ada pahlawan halimunan? Dan membunuh orang yang tidak

bersalah tanpa meninggalkan sebarang bukti. Sangat bijak tapi malang sekali kita akan tamatkan riwayat keluarga tu." Perasaan marah mula menguasai Malique. Kenapa mereka tiada simpati? Oh ya, mereka bukan manusia. Mereka akan lakukan apa sahaja yang mereka mahukan. Riel memainkan semula video mimpinya itu untuk mencari lagi jawapan yang dapat membantu memusnahkan makhluk durjana itu.

BAB 4

"Aku tahu macam mana nak kalahkan makhluk-makhluk tu. Kita kena gunakan batu Obsidian untuk hancurkan penempatan, teknologi dan tentera halimunan Keluarga Skyla. Batu tersebut digunakan sebagai senjata dan mampu menyerap tenaga gelap di sekeliling kita semua." Riel memberitahu mereka semua tentang kelebihan batu Obsidian. "Tapi di mana kita nak cari batu Obsidian tu?" Soal Doktor Zayyan sambil menggaru kepalanya yang tidak gatal. "Batu Obsidian banyak dijumpai di Zenith yang berada di puncak gunung di selatan bandar Sujana.

Apa pun kita kena cepat sampai ke tempat itu sebelum terlambat." Riel sudah menggagas begnya yang berjenama Nike setelah memasukkan beberapa peranti elektromagnetik kedalamnya.

"Danish, Noah terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Kamu berdua

rehatlah dahulu di dalam ni. Lagi dua hari kamu berdua dibenarkan discaj dari wad ini." Doktor Zayyan memberikan buah tangan kepada mereka berdua. "Sama-sama doktor. Kamu semua perlu berhati-hati apabila tiba di di Krane nanti." Pesan Noah kepada mereka semua. Kesemua mereka berenam bergegas menuju ke makmal Sanctum kerana di dalam makmal tersebut telah disediakan 'lubang cacing' yang berfungsi sebagai portal untuk menghubungkan dunia realiti dengan dunia lain. Portal tersebut dinamakan sebagai Dalion bersempena nama penciptanya iaitu Professor Adam Dalion.

Di Zenith, mereka berenam terus mengumpulkan batu Obsidian lalu memasukkannya ke dalam balang kaca. Mereka harus segera kerana mereka baru sahaja mendapat tahu bahawa 1200 buah drone dan tentera halimunan mula membuat onar di Sanlow. "Okay, sampai je nanti dekat Krane, kita terus tanam batu-batu ni ke dalam tanah. Batu-batu ni merupakan satu-satunya kelemahan bagi mengatasi teknologi diaorang itu." Benjamin dan yang lain-lain mengangguk faham dengan arahan yang fiberikan oleh Riel.

"Benjamin, Malique dan Inspektor Asrul tolong saya hancurkan menara kawalan yang ada di di sebelah Istana Bitara tu. Menurut cermin pengimbas saya ni, menara kawalan tu yang mengawal kesemua teknologi yang mereka gunakan selama ni. Saya yakin kalau kita hancurkan menara tu, kesemua drone dan teknologi halimunan mereka tidak lagi berfungsi. Mereka bertindak seperti yang dirancang. Tentera halimunan dan drone tidak lagi memberi sebarang ancaman kepada mereka. Kini mereka perlu berlawan pula dengan keluarga Skyla.

Permainan yang licik, hebat... hebat! Kamu semua fikir, kamu dapat tewaskan kami, huh? Dengan tidak semena-mena Malia dan David menyerang Eirin dari belakang. Eirin berasa hairan mengapa dia tidak mampu kelibat Malia dan David. "Riel, tadi kamu suruh kami musnahkan menara tu, jadi teknologi halimunan juga mesti tidak lagi berfungsi. Macam mana mereka masih mampu menggunakan mod halimunan?"

Inspektor Asrul mula buntu dengan apa yang berlaku. "HAHAHAHA, kebolehan kami tidak ada kaitan dengan teknologi yang kami bangunkan sendiri. Kami mempunyai kebolehan halimunan secara semulajadi. Jadi kamu semua menyerah kalah sahajalah dan tak perlu nak tunjuk hero

sangat.” Malia begitu yakin tiada siapa yang mampu tewaskan dia dan dia begitu gembira kerana Sanlow bakal menjadi miliknya tidak lama lagi.

Malique mendapat idea bahawa kebolehan halimunan semulajadi boleh dimusnahkan dengan menggunakan campuran batu Obsidian dan mikroskop berkuasa tinggi. Mereka terus berlawan dan akhirnya kemenangan berpihak kepada mereka berenam. ”Tidak...tidak...”struktur tubuh badan Malia dan David terus hancur dan bertukar menjadi cebisan kristal. Mereka berenam terus menuju ke portal Dalion sebaik sahaja berlaku gempa bumi di Krane. Tiada apa lagi yang tinggal di Krane dan semuanya musnah dalam sekelip mata .

Kesungguhan dan semangat kerjasama yang ditunjukkan berjaya menyelamatkan nyawa warga Sanlow. Keadaan menjadi normal kembali , tiada lagi sebarang ancaman dari makhluk yang berasal dari planet Celestia tersebut.

Mereka berenam dianugerahi plat Atinum oleh Dato Sinclair Adham di Pusat Tiara Aurium. Penduduk yang hadir memberikan tepukan dan sorakan yang gemuruh kepada mereka. Dato Sinclair juga bercadang untuk membiayai perbelanjaan teknologi di dalam bidang forensik. Malique berasa bersyukur dengan cadangan tersebut. Ada kala teknologi mampu menyelamatkan kehidupan dan pada masa yang sama juga mampu memberi ancaman kepada kehidupan.

Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Ketiga (Kategori 1) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021.